

26 JAN 1999

RAFIDAH-CUKAI

CUKAI KELUAR GAMBARKAN HASRAT TERUS STABILKAN PASARAN SAHAM, KATA RAFIDAH

KOTA KINABALU, 26 Jan (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata hasrat Malaysia untuk mengkaji kemungkinan memperkenalkan "cukai keluar" menggambarkan hasrat untuk terus mewujudkan kestabilan dalam pasaran saham.

"Kita sedia maklum beberapa desakan telah dibuat oleh mereka yang melabur dalam pasaran saham untuk kerajaan menimbang semula keselesaan yang membolehkan pelabur asing membawa keluar modal lebih awal.

"Saya yakin bahawa apa juga fleksibiliti yang kita tawarkan pasti akan mencerminkan hasrat kita untuk mengadakan kestabilan dalam pasaran saham sambil mengambil kira kepentingan pelabur, khususnya pelabur asing," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Concept Marketing di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) di Teluk Sepanggar dekat sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan memperkenalkan cukai keluar yang membolehkan pelabur asing membawa keluar modal lebih awal daripada tempoh satu tahun di bawah kawalan modal berpilih yang dilaksanakan kerajaan sejak September tahun lepas.

Sementara itu semasa mengadakan perjumpaan dengan Exco Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) Sabah, Rafidah yang juga Anggota Majlis Tertinggi Umno meminta pemimpin politik wanita di negeri ini agar terus berusaha membantu kemenangan BN pada pilihan raya negeri Sabah yang akan diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

Beliau berkata peranan wanita adalah penting dan terbukti banyak membantu dalam memastikan kemenangan dalam pilihan raya.

Jentera pilihan raya yang sudah digerakkan perlu digiatkan lagi dengan mendekati rakyat bagi membolehkan mereka memahami perjuangan BN, katanya.

"BN tidak aktif hanya pada waktu pilihan raya malah pada sepanjang masa, bekerja bagi membawa pembangunan kepada rakyat. Oleh kerana itu, rakyat perlu menilai BN daripada segi prestiasnya dan bukan hanya pada ketika tempoh kempen pilihan raya berlangsung," katanya. -- BERNAMA

JS JR